

30 OCT 2003

RMK8-PENDAHULUAN

PEROLEHAN PENGETAHUAN PERLU DIJADIKAN USAHA SEPANJANG HAYAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu menjadikan perolehan pengetahuan sebagai usaha sepanjang hayat dan membangunkan keupayaan teknologi tempatan dan inovatif.

Perdana Menteri berkata, langkah ini perlu bagi membolehkan ekonomi Malaysia menghadapi, dengan lebih baik, keadaan ekonomi dunia yang sering berubah dan seterusnya mempercepatkan proses perubahan kepada ekonomi berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

"Usaha lebih gigih perlu diambil untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan produktiviti dan menambah kandungan pengetahuan dalam barangan, perkhidmatan dan proses dalaman," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam kata pendahuluan laporan Kajian Separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) (2001-2005) yang dikeluarkan di sini hari ini.

"Pengalaman tiga tahun lalu menunjukkan betapa pentingnya untuk kita sentiasa bersedia bagi menangani sebarang cabaran yang mungkin dihadapi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kepesatan globalisasi ekonomi dunia serta kemunculan negara lain dalam arena global memerlukan pengukuhan ekonomi dunia serta kemunculan negara lain dalam arena global memerlukan pengukuhan ekonomi negara dengan meningkatkan daya tahan, daya saing dan keupayaan inovatif.

"Dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, kita juga perlu memastikan bahawa asas etika dan moral segala tindakan kita tidak terhakis. Sekiranya sistem nilai menjadi pudar akan sia-sialah kemajuan ekonomi dan hambarlah kejayaan yang dicapai."

Perdana Menteri berkata, walaupun ekonomi Malaysia berkembang lebih perlahan daripada sasaran yang ditetapkan, pertumbuhannya adalah memberangsangkan khususnya jika dibandingkan dengan prestasi ekonomi lain dirantau ini.

Asas ekonomi menjadi lebih luas dengan peningkatan sumbangan daripada sektor perkhidmatan yang digalakkan dan peralihan sektor pembuatan kepada aktiviti berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan.

"Kita juga mencapai kemajuan lebih baik dalam mewujudkan masyarakat lebih saksama dari segi pembasmian kemiskinan, pengagihan pendapatan dan peningkatan guna tenaga Bumiputera dalam sektor ekonomi yang strategik dan moden," kata beliau.

Beliau turut menasihatkan bahawa pembangunan negara bukan hanya tanggungjawab kerajaan.

Katanya, kerajaan hanya akan menetapkan garis kasar dasar negara dan menyediakan peruntukan yang perlu bagi membolehkan sektor awam menjalankan tanggungjawabnya dan melaksanakan program pembangunan.

Sektor swasta sebagai komponen utama masyarakat, hendaklah mengambil peluang daripada galakan yang disediakan kerajaan untuk mengembang pelaburan sedia ada dan menerokai bidang khusus dan sumber pertumbuhan baru.

Perdana Menteri berkata, setiap rakyat juga mempunyai peranan utama dalam pembangunan negara.

"Kita hendaklah menyedari bahawa pembangunan negara yang pesat dan pelaburan berbilion ringgit oleh kerajaan dan sektor swasta telah meningkatkan kualiti dan akses kepada infrastruktur dan kemudahan awam yang sedang kita nikmati," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembangunan dalam tempoh dua dekad yang lalu telah menunjukkan kepesatan perubahan ekonomi negara yang telah dicapai.

"Saya yakin bahawa kejayaan kita bukanlah terjadi secara kebetulan tetapi adalah daripada usaha bersepadu semua pihak yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk merancang dan menguruskan ekonomi negara," katanya. --  
BERNAMA

WNZ AHM